

HASIL BUMI-NYA YANG KAYA DGN BIJEH

TIMAH TERKENAL DI-SELUROH DUNIA

Perak—negeri yang paling tegoh kedudukan ekonomi-nya

NEGERI Perak — negeri yang kedua besa-r-nya di-Tanah Melayu ia-lah di-an-tara negeri2 yang paling terok sekali menerima angkara Komunis dari tahun 1951 hingga 1958 apabila dharurat sedang me-munchak.

Tetapi berkat ketegohan ekonomi-nya, negeri Perak terus menerus menchapai kema'amoran ekonomi dan politik.

Dalam banyak perkara, kema'amoran yang sedang di-ni'mati oleh Perak sekarang ada-lah berpunca dari pengaliran modal British dan lain2 negara Eropah ka-dalam negeri itu untuk membiayai beberapa projek, sejak zaman sa-belum perang, terutama sa-kali membu2a perusahaan2 lombong bijeh timah dan getah.

Kekayaan hasil bumi Perak yang terkenal — getah dan bijeh timah — se-karang telah di-tambah pula dengan bijeh besi yang di-dapati dengan banyak-nya, di-beberapa tempat.

Ketegohan

Di-masa akhir2 ini pula, rancangan perindustrian, termasuk yang menelan belanja berjuta2 ringgit saperti yang terdapat di-Tasek beberapa batu dari bandar Ipoh, telah di-ada-kan. Semua-nya ini mem-buktikan ketegohan ekono-mi negara ini.

Sa-lain dari modal asing yang masuk menchurah2 ka-negeri Perak, di-ikuti juga oleh pelombong2 China kerana membuka lombong2 bijeh timah hingga pada kurun ka-19 menjadi satu perusahaan mereka yang terpenting sekali.

Kerabat di-Raja Perak telan memainkan peranan yang penting membimbing ra'ayat dan negeri menem-poh zaman kesukaran di-masa perang yang lalu, keadaan dharurat hingga-lah ka-zaman merdeka ini.

Sultan Abdul Aziz Shah

Oleh PEMBERITA KHAS

(memerintah negeri Pe-rak dari tahun 1938 hingga 1948) di-gantikan oleh Sultan Yusuf Izzudin Shah (1948—1963).

Pada 6 January tahun lalu, Raja Idris Shah sa-chara rasmi di-istiharkan sa-bagai Sultan yang ka-33 memerintah negeri Pe-rak.

Sultan Abdul Aziz meme-rentah negeri Perak ketika Jepun menyerah diri, dan Pemerintahan Tentera British (B.M.A.) mengamb-ill aleh semua kekuasaan di-Malaya.

Kertas Puteh

Pada akhir tahun 1945, Sir Henry MacMichael wa-kill utusan King George ka-VI, telah datang ka-negeri Perak dalam bidang kun-jongan-nya ka-negeri Me-layu.

Tugas penting Sir Henry ia-lah untuk mendapatkan Raja2 Melayu menandata-ngani sa-buah Kertas Pu-teh yang di-bawa-nya dari London sa-bagai menyata-kan persetujuan mereka bagi membentok Malayan Union.

Seluruh bangsa Melayu membantah rancangan Malayan Union itu, teruta-ma sekali tipu helah Sir Henry untuk mendapatkan tandatangan Raja2 Me-layu.

Membantah

Bangsa Melayu yang bersatu padu membangun-kan UMNO dan serentak membantah berterang2 sa-chara berperlembangaan rancangan Malayan Union yang mereka anggap menurunkan taraf raja2 Me-layu menjadi "Kathi" di-negeri-nya sendiri dan "merampas hak ketuanan orang2 Melayu di-negeri-nya sendiri."

Walau pun ada banta-han2 keras, Sultan Abdul Aziz kerana kelichinan usaha2 Sir Henry Mac-Michael, terpaksa menan-

datangani "Kertas Puteh" tersebut di-Istana Iskan-dariah, di-saksikan oleh Raja Muda Yusuf Orang Kaya Temenggong.

Tidak berapa lama ke-mudian Tuan A.V. Aston, pun di-hantar menjadi Resident Commissioner ne-geri Perak yang Pertama.

Pada 1 Febuary 1948, ne-gara Persekutuan Tanah Melayu di-bentok meng-gantikan Malayan Union yang amat di-benci oleh orang2 Melayu itu.

Perak kemudian menjadi sa-buah dari negeri2 da-lam Persekutuan yang ba-haru ini.

Pilihan raya yang per-tama telah di-adakan di-negeri Perak pada tahun 1955 yang kemudian di-ikuti pula dengan pilihan raya Federal.

Sejak dari itu beberapa kemajuan politik dan ekono-mi telah di-chapal hing-ga - lah Malaya menchapal kemerdekaan-nya.